

Pelaburan RM20 bilion menjelang

2005 8 SEP 2000

CYBERJAYA, Khamis -Projek Koridor Raya Multimedia (MSC) yang menjadi pemangkin pembangunan ekonomi digital negara, dijangka menerima pelaburan lebih RM20 bilion sehingga 2005.

Unjuran itu berdasarkan pelan perniagaan 324 syarikat berstatus MSC sehingga Mei 2000.

Hasil kaji selidik Multimedia Development Corporation (MDC) Sdn Bhd itu adalah antara perkara yang dibentangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, semasa sesi perbincangan mesyuarat Panel Penasihat Antarabangsa (IAP), MSC, di sini hari ini.

MSC ialah tapak syarikat teknologi maklumat (IT) tempatan dan antara-bangsa menjalankan pembangunan dan penyelidikan (R&D) bidang multimedia dan teknologi tinggi.

Menurut kajian MDC juga, jumlah pelaburan ke MSC terus meningkat dengan unjuran RM1.7 billion pada 2001 berbanding hanya RM196 juta pada 1997.

Perbelanjaan syarikat MSC dilaporkan RM2.3 bilion antara 97-99 yang memberi kesan positif kepada pertumbuhan ekonomi negara.